



Dato' Haji Zainal bin Dahalan
Pengerusi
Lembaga Pertubuhan Peladang

Perutusan Pengerusi

Dato' Haji Zainal bin Dahalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

Assalamualaikum w.b.t
dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan izinNya kerana kita berjaya menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang tahun 2013. Syabas diucapkan kepada seluruh warga LPP atas kesungguhan melaksanakan agenda 2013. Ia telah membuktikan usaha LPP dalam memaju dan memakmurkan kehidupan para peladang supaya lebih berkualiti dan sejahtera.

LPP berjaya melaksanakan program yang dirancang dan mengorak langkah sejajar dengan keputusan Kerajaan yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup para peladang serta mengubah paradigma sektor pertanian sebagai sektor yang menjamin masa depan yang lebih cemerlang.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, LPP memainkan peranan dalam membangunkan sektor pertanian negara khususnya bagi meningkatkan taraf sosioekonomi para peladang. Hasrat untuk memodenkan sektor pertanian Negara secara menyeluruh dapat dijayakan melalui Pelan Korporat LPP 2011-2015.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan, LPP telah melakukan pelbagai penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatannya. Ini dizahirkan dengan kejayaan memperolehi pengiktirafan MS ISO 9001:2008 dan mendapat pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Saya turut merasa bangga apabila LPP berjaya melaksanakan tanggungjawab yang diberi bagi mengatur pelbagai program di seluruh Negara seperti program *Touch Point* dan

penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di peringkat negeri dan kebangsaan. Pencapaian ini menunjukkan kerjasama yang erat dan semangat *esprit de corps* yang tinggi di kalangan warga LPP bukan sahaja dalam sistem penyampaian malah dalam aktiviti sosial.

LPP sentiasa merancang bagi memantapkan pembangunan modal insan secara berterusan kepada anggota bagi melahirkan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan memberi nilai tambah kepada kumpulan sasaran. Dalam konteks ini, LPP telah menjalin kolaborasi dengan lain-lain agensi kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme perkhidmatan anggota. Kerjasama yang terjalin telah membentuk sinergi dalam penghasilan produktiviti dan impak yang lestari. LPP terus komited untuk memastikan organisasi ini digerakkan berteraskan integriti, ketelusan dan urus tadbir yang cemerlang serta berusaha memudahkan sistem penyampaian kepada kumpulan sasaran.

Akhir kata, saya berharap agar LPP akan terus merancang dan melaksanakan program yang komprehensif, dinamik dan responsif mengikut kehendak *stakeholders* dan pelanggan. Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menentukan kejayaan pada masa hadapan. Sekian.



Dato' Haji Zainal bin Dahalan
Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang